

PENGAYAAN 3 : MORFOLOGI SPM

Disediakan oleh Cikgu Rozita

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata bantu dan lima kata hubung. Kenal pasti jenis-jenis kata tersebut dan tulis dalam jadual di bawah. Anda perlu menyusun kata tersebut mengikut urutan dalam petikan. Jawapan tidak boleh dilangka kedudukan. Perkataan yang sama yang berulang tidak perlu ditulis sekali lagi. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri bagi semua perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

Sejarah dapat mengelakkan diri kita daripada mengulangi sesuatu kesilapan. Banyak kesilapan manusia berlaku kerana tidak mengambil iktibar daripada sejarah. Kesilapan yang telah kita lakukan dahulu sepatutnya menjadi pengajaran, manakala kebaikan yang dicapai kita teruskan. Bak kata pepatah Melayu, yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan. Sebagai contoh, negara kita pernah dijajah oleh negara asing sejak tahun 1511 hingga 1957. Kesilapan yang dilakukan ini tidak harus diulangi oleh generasi kini. Sebaliknya, kita mesti mempertahankan dan membangunkan negara.

(18 markah)

Kata Bantu	Kata Hubung
1.	1.
2.	2.
3.	3.
4.	4.
	5.

Membina Ayat

1. Azwa _____ Azliana tinggal di kampung berdekatan dengan sekolah kami.
2. Mawar _____ memasang almari itu berpandukan manual yang diberikan.
3. Azimah _____ mendapat tempat pertama dalam peperiksaan di sekolahnya.
4. Pengalaman merupakan anugerah _____ berharga kepada setiap manusia.
5. Aliff tidak menyertai kelas atas talian pada hari itu _____ dia bangun lewat.
6. Hafizi dan Ali bermasam muka _____ tahun lepas kerana berebutkan seorang gadis.
7. Setiap umat Islam _____ menghormati jiran tetangga walaupun berlainan bangsa.
8. Sebagai seorang Islam, kita _____ mengerjakan suruhan Allah tanpa bantahan.
9. Pandemik Covid 19 masih merebak _____ sekarang walaupun pelbagai pendekatan mengekangnya dilakukan oleh setiap rakyat.

